



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN IPOH TIMUR**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

23 April 2022

KENYATAAN MEDIA BERHUBUNG

PROSIDING PEMBANGUNAN DAN PEROLEHAN APLIKASI MYSEJAHTERA

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) pada 21.04.2022, meneruskan prosiding Pembangunan dan Perolehan Aplikasi MySejahtera dengan mendengar penjelasan dan keterangan daripada tiga agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) iaitu Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Majlis Keselamatan Negara (MKN), serta Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA).
2. JPM diwakili Datuk Sollehuddin Alyubi bin Zakaria, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan) dan Datuk Mohamad bin Ismail Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan). Manakala MAMPU diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Dr Yusoff bin Ismail, MKN diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Rodzi bin Md Saad dan NACSA diwakili Ketua Eksekutifnya, Rahamzan bin Hashim.
3. Prosiding kedua ini diadakan selepas prosiding pertama pada 14 April yang dihadiri Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

4. Prosiding tersebut telah berlangsung selama tiga jam bermula jam 10 pagi. Fokus PAC dalam prosiding tersebut termasuk:
 - (i) Siapa yang terlibat dalam pelantikan syarikat KPI Soft Sdn. Bhd. untuk membangunkan aplikasi MySejahtera kepada pada bulan April 2020;
 - (ii) Kelangsungan konsep CSR yang dicadangkan;
 - (iii) Ketidakwujudan Kontral Rasmi antara Kerajaan dengan syarikat pembangun;
 - (iv) Pemilikan aplikasi MySejahtera khasnya pegangan harta intelek dan pendirian KPI Soft Sdn. Bhd. dan/atau MySj Sdn. Bhd. terhadap tuntutan pemilikan harta intelek seperti yang termaktub dalam dokumen-dokumen Mahkamah dan dokumen-dokumen berkaitan.
5. PAC akan meneliti segala keterangan, dokumen-dokumen dan minit-minit mesyuarat yang diperolehi dan akan membuat keputusan samaada memanggil saksi-saksi lanjut.
6. **PAC akan membentangkan Laporan PAC ke Dewan Rakyat pada minggu pertama apabila Parlimen bersidang semula pada 18.07.2022. Memandangkan prosiding ini melibatkan isu yang amat penting, PAC menyeru supaya Speaker membenarkan Laporan PAC ini dibahas di Dewan Rakyat oleh Ahli-Ahli Parlimen untuk sekurang-kurangnya Satu (1) hari.**
7. **Justeru itu, PAC juga mencadangkan Kerajaan mengambil kira pandangan Laporan PAC yang bakal dibentang dan perbahasan Ahli-Ahli Parlimen sebelum mengambil keputusan yang melibatkan implikasi kewangan dalam isu Pembangunan Aplikasi MySejahtera**

Sekian, terima kasih.

YB Wong Kah Woh
Pengerusi PAC Parlimen